



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	29/12/2012

Pelan tambah baik sistem pendidikan dibentang Januari

BH - 29/12/12

» **PPP 2013-2025 pada peringkat akhir: Muhyiddin**

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah@bharian.com.my

Putrajaya

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPP) 2013-2025 bagi menambah baik sistem pendidikan negara akan dibentangkan kepada Kabinet bulan depan untuk dilaksanakan, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, pelan berkenaan kini pada peringkat ak-

hir selepas pandangan pelbagai pihak berkepentingan diambil kira.

"Tidak ada satu pun pihak berkecuali (memberikan pandangan). Jadi, laporan ini agak lengkap dan menyeluruh, malah kita tambah baik kekurangan dalam tempoh tiga bulan lalu.

"Selepas dibentangkan dalam Kabinet, kita akan beri taklimat kepada Majlis Raja-Raja. Saya rasa penting untuk kita lakukan perkara ini," katanya selepas Majlis Interaksi Bersama Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) Muda di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Ismail Alias; Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Datuk Dr Halim Man-

dan Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Datuk Seri Zainal Rahim Seman.

PPP yang akan dilaksana mulai tahun depan, mengandungi 11 anjakan bagi menambah baik sistem pendidikan negara, termasuk meningkatkan kualiti guru serta menstruktur semula kementerian, menyusuli laporan awal PPP yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada September lalu.

Untuk rakyat

Berhubung sama ada perubahan dalam PPP akan memuaskan hati Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia (Dong Zong), Muhyiddin berkata, kerajaan tidak boleh memuaskan hati semua pihak, namun sebahagian daripada cadangan persatuan itu

sudah diambil kira.

"Kita ambil kira cadangan, termasuk status sekolah Cina, bantuan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan bagaimana nak memasukkan peruntukan dana.

"Kita bukan sediakan PPP untuk memuaskan hati Dong Zong, tapi untuk rakyat. Saya percaya sebahagian besar rakyat akan berpendapat pelan pembangunan ini akan membantu meningkatkan pendidikan di negara kita," katanya.

Hasil dasar terbaik

Sementara itu, beliau berkata, gabungan idea serta gerak kerja mantap antara ahli politik dan penjawat awam terbukti menghasilkan dasar kerajaan yang terbaik untuk rakyat dan negara selain diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Muhyiddin berkata, semua proses membuat keputusan membabitkan rundingan yang kerap serta rapi sejak Barisan Nasional (BN) memerintah lebih 50 tahun lalu diteruskan sehingga hari ini termasuk pelbagai program transformasi dilaksanakan.

Beliau berkata, peranan penjawat awam daripada peringkat atasan hingga bawah amat besar kerana mereka juga berkongsi matlamat sama dengan ahli politik, iaitu memastikan nasib rakyat terbela.